

**PERUTUSAN YAB PERDANA MENTERI SEMPENA HARI DEEPAVALI 2004 PADA  
DI PEJABAT PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA  
10 NOVEMBER 2004**

-----

Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada seluruh Rakyat Malaysia terutamanya kepada mereka yang beragama Hindu. Saya harap saudara dan saudari akan menyambut hari yang penuh bermakna ini bersama seluruh ahli keluarga dan sahabat handai. Semoga cahaya yang melambangkan Perayaan Deepavali ini akan turut menyinari nilai-nilai yang mengukuhkan perhubungan dan kebersatuan kita semua.

Seperti lazimnya di negara kita, masyarakat berbilang kaum akan berkumpul dan berkongsi hari yang penuh istimewa ini dalam suasana perayaan yang sungguh meriah dan berwarna-warni. Inilah istimewanya masyarakat kita dan uniknya negara ini. Kita mesti sentiasa berusaha untuk menyemai, memupuk dan mempertahankan semangat murni dan kerjasama antara kaum kerana saya yakin, inilah yang akan menjadi tunggak kekuatan kita serta menjadi teladan di mata dunia.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Deepavali meraikan kemenangan unsur-unsur kebaikan mengatasi unsur-unsur kejahatan. Adalah menjadi harapan saya agar sinar yang muncul dari kegelapan akan memberi lebih semangat untuk kita menghadapi segala cabaran yang mendatang dengan penuh keyakinan dan kekuatan bagi mencapai harapan dan impian kita.

Di samping mengejar matlamat dan cita-cita peribadi, marilah kita bersatu dan berkerjasama untuk memberikan sinar kehidupan yang lebih cemerlang kepada mereka yang kurang bernasib baik agar tidak ada kumpulan masyarakat yang dipinggirkan. Kita haruslah memahami bahawa kita adalah sebahagian daripada masyarakat yang sama. Justeru, apa jua yang dialami dan dirasai oleh sebahagian daripada masyarakat tersebut akan turut dirasai oleh kumpulan masyarakat yang lain.

Bersama, kita jalinkan semangat optimis ini, yang akan menunjangi masa hadapan kita dengan kemahuan dan komitmen yang sejati, agar hasrat untuk melahirkan masyarakat kelas pertama di dalam sebuah negara yang kukuh, prihatin dan membangun akan dapat dicapai. Marilah kita berganding bahu, menggandakan usaha dan melangkah maju ke hadapan dengan satu matlamat tanpa mengira bangsa dan agama, untuk melahirkan Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Selamat Hari Deepavali

Pejabat Perdana Menteri, PUTRAJAYA  
9 November 2004